

Fakta menarik di sebalik perayaan Chap Goh Mei

AstroAwani

02 Mac 2018

Atiqah Ismail,

KUALA LUMPUR: Kebiasaannya, kira-kira dua minggu selepas masyarakat Cina di negara ini meraikan Tahun Baru, ia akan disusuli satu lagi perayaan iaitu Chap Goh Mei, yang turut dimeriahkan dengan letupan mercun dan bunga api.

Tahun ini, Tahun Baru Cina disambut pada 16 Februari dan kemeriahannya dirancakkan lagi dengan perayaan Chap Goh Mei yang memberi seribu makna dan rasa.

Di sini, Astro AWANI kongsi beberapa fakta menarik mengenai perayaan Chap Goh Mei.

1. Istilah Chap Goh Mei berasal dari dialek Hokkien yang bermakna malam ke-15 bagi Tahun Baru Cina di mana ia juga menandakan hari terakhir bagi sambutan Tahun Baru Cina. Secara literalnya, Chap memberi maksud '10', Goh adalah 'lima' dan Mei pula adalah 'malam'.
2. Perayaan Chap Goh Mei seringkali dikaitkan dengan mitos peristiwa dua wanita bujang yang telah membuang buah oren ke dalam sungai dengan harapan mendapat jodoh.
3. Pesta Chap Goh Mei disambut dengan mengadakan upacara sembahyang secara besar-besaran, di mana colok besar akan dibakar dan juga diadakan makan besar bersama keluarga.

4. Walaupun perayaan ini tidak diiktiraf sebagai cuti umum di Malaysia, ia satu perayaan yang dinanti-nantikan oleh komuniti Cina kerana ada sebahagiannya yang beranggapan Chap Goh Mei merupakan Hari Kekasih versi kaum itu.

5. Pada malam perayaan Chap Goh Mei, kebiasaannya masyarakat Cina akan berkumpul dan makan secara besar-besaran dengan hidangan tradisi Yuan Xiao (beras pulut berbentuk bulat) selain rumah yang dihias cantik dengan lampu-lampu merah bagi menghidupkan lagi suasana.

6. Secara adatnya, pada hari tersebut, akan dimainkan muzik balada cinta yang dipanggil Dondang Sayang yang diperdengarkan di jalanan dengan instrumen biola, gendang dan gong. Ada ketika, ia menjadi komedi apabila liriknya digubah sendiri oleh penyanyi.

7. Pulau Pinang merupakan salah satu daripada negeri di Malaysia yang membuat sambutan besar-besaran meraikan Chap Goh Mei. Pada malam itu, kerajaan negeri akan menghidangkan makanan-makanan enak di sepanjang jalan selain permainan, persembahan budaya Baba Nyonya dan kuiz. Turut disajikan, perarakan tanglung, tarian naga atau singa, opera Cina, dan mengimbang bendera besar 'Chingay'.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/fakta-menarik-di-sebalik-perayaan-chap-goh-mei-168692>